

Peraturan Pemarkahan

Karangan Bahagian A (Karangan Berpandu)

Kehendak soalan :

1. Calon perlu menjelaskan ciri-ciri bandar pintar di Malaysia.
2. Calon mesti menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan
 - Taman Rekreasi Terancang
 - Kemudahan Awam Moden
 - Kecanggihan Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Kemungkinan:

1. Sekiranya calon mengambil satu idea yang diberikan dan ditambah dengan isi yang lain, diterima. Periksa seperti biasa.
2. Calon hanya menghuraikan satu idea dan dikembangkan, diterima. Periksa seperti biasa.
3. Sekiranya jumlah perkataan kurang 200 patah perkataan, karangan tidak boleh diberikan markah di peringkat cemerlang kerana huraihan dianggap tidak berkembang.
4. Calon menulis idea lain selain yang terdapat dalam bahan rangsangan tetapi masih menyentuh tugasannya – markah maksimum peringkat kepujian/25 markah.
5. Calon tulis dua isi, diterima. Periksa seperti biasa.
6. Calon menambah idea lain, diterima. Periksa seperti biasa. Tiada markah tambahan.

Bahagian B:

Soalan 1:

Golongan remaja amat wajar memberikan sumbangan dalam usaha untuk mengisi kemerdekaan negara yang telah diperjuangkan oleh generasi terdahulu.

Bincangkan sumbangan yang dapat anda berikan demi keamanan dan kemajuan negara kita.

Tugasan soalan:

1. Calon perlu membincangkan sumbangan sendiri (saya) untuk mengisi kemerdekaan yang telah diperjuangkan oleh generasi terdahulu demi:
 - i. keamanan negara
 - ii. kemajuan negara
2. Sekiranya calon hanya membincangkan sumbangan untuk mengisi kemerdekaan hanya untuk keamanan negara sahaja atau kemajuan negara sahaja markah maksimum peringkat **baik bawah (51 – 57)**.
3. Sekiranya calon membincangkan sumbangan untuk mengisi kemerdekaan demi keamanan dan kemajuan negara tetapi tidak memberikan fokus kepada diri sendiri (saya) sahaja markah maksimum peringkat **baik atas (58 – 65)**.

4. Sekiranya calon membincangkan sumbangan untuk mengisi kemerdekaan tetapi tidak mengaitkan langsung dengan kemanan dan kemajuan negara, markah maksimum peringkat **memuaskan (36 – 50)**.
5. Sekiranya calon tidak bersetuju dengan pernyataan, markah maksimum **pencapaian minimum (01 – 20)**.

Soalan 2:

Dewasa ini, permainan tradisional seperti layang-layang, gasing dan congkak kurang diminati dan semakin dilupakan oleh generasi muda.

Bincangkan peranan ibu bapa untuk menggalakkan anak-anak bermain permainan tradisional.

Tugasan soalan:

1. Calon perlu menulis tentang peranan ibu bapa untuk menggalakkan anak-anak bermain permainan tradisional.
2. Calon mesti menulis tugasannya tentang:
 - 2.1 Peranan ibu bapa untuk menggalakkan anak-anak bermain permainan tradisional
3. Jika calon mencampuradukkan peranan ibu bapa dengan pelbagai pihak, markah maksimum peringkat **memuaskan (36 – 50)**.
4. Sekiranya calon menjelaskan sebab-sebab permainan tradisional kurang diminati dan semakin dilupakan oleh generasi muda, markah maksimum peringkat **pencapaian minimum (01 – 20)**.

SOALAN 3

Usaha kerajaan menarik pelabur-pelabur asing melabur di negara ini memang wajar kerana pelaburan tersebut memberikan pelbagai faedah kepada rakyat dan negara.

Bincangkan.

Tugasan soalan:

1. Tugasan soalan ialah usaha kerajaan untuk menarik pelabur asing melabur di negara ini sangat wajar kerana pelaburan asing mendatangkan kebaikan kepada rakyat dan negara.
2. Usaha kerajaan untuk menarik pelabur asing mesti dinyatakan dengan jelas.
3. Usaha tersebut mestilah mendatangkan faedah kepada rakyat dan negara.
4. Sekiranya calon hanya menulis usaha kerajaan dan faedah kepada rakyat sahaja, markah maksimum **kepujian bawah (66 – 72)**.

5. Sekiranya calon menulis faedah-faedah pelaburan asing tanpa mengaitkannya dengan usaha kerajaan, markah maksimum di peringkat **baik bawah (51 – 57)**.
6. Jika calon menjawab tidak wajar, markah maksimum **pencapaian minimum (01 – 20)**.
7. Calon mesti menulis usaha-usaha kerajaan dan dikaitkan dengan kebaikan kepada rakyat serta negara sekali gus dalam setiap perenggan isi.

SOALAN 4

Pendidikan maya, iaitu pendidikan yang memaksimumkan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi mempunyai pelbagai kepentingan dalam melahirkan masyarakat yang berilmu, berwibawa dan bertaraf dunia.

Bincangkan.

Tugasan soalan:

1. Tugasan soalan ialah bagaimana pendidikan maya atau pendidikan atas talian dapat melahirkan masyarakat yang berilmu, berwibawa dan bertaraf dunia.
2. Kepentingan pendidikan maya atau pendidikan atas talian mesti dinyatakan dengan jelas.
3. Kepentingan tersebut mesti dikaitkan dengan pembentukan masyarakat yang berilmu, berwibawa dan bertaraf dunia.
4. Sekiranya calon hanya membincangkan kepentingan pendidikan maya tanpa mengaitkan dengan pembentukan masyarakat berilmu, berwibawa dan bertaraf dunia, markah maksimum **baik bawah (51 – 57)**
5. Antara kepentingan pendidikan maya ialah :
 - Melahirkan masyarakat berilmu.
 - Pelajar dari dalam dan luar negara meningkat.
 - Bilangan universiti bertambah (IPTA dan IPTS).
 - Melahirkan masyarakat berwibawa
 - Perkembangan personaliti yang positif.
 - Dapat membuat keputusan yang berkualiti.
 - Melahirkan bakal pemimpin negara yang berpengetahuan tinggi.
 - Pemimpin yang dapat membuat pertimbangan yang rasional (situasi semasa)
 - Bertaraf dunia
 - Pemimpin bertaraf dunia
 - Kejayaan dikecapi oleh segenap lapisan masyarakat
 - Dapat membangun dengan pesat (dalam semua bidang)
 - Ciptaan teknologi moden diiktiraf dalam semua bidang.
 - Negara berteknologi moden.
 - Pasaran meluas (barang keluaran di pasaran antarabangsa)
 - Mampu bersaing dengan negara lain.

Dihormati dan dipengaruhi oleh orang negara lain.

SOALAN 5:

*Apabila terpelihara lidah,
Nescaya dapat daripadanya faedah.*

Petikan gurindam di atas membawa maksud kepentingan seseorang menjaga tutur kata dalam kehidupan.

Huraikan pendapat anda tentang **kepentingan- kepentingan** seseorang menjaga tutur kata agar berjaya dalam kehidupan.

Tugasan soalan:

1. Calon perlu menulis tentang kepentingan-kepentingan seseorang menjaga tutur kata agar dia berjaya dalam kehidupan.
2. Calon mesti menerangkan konsep atau maksud tutur kata yang baik
 - Ikhlas
 - tidak menyinggung perasaan orang lain
 - Sopan
 - Jujur
 - tidak menabur fitnah
 - tidak mewujudkan prasangka/prejudis dan sebagainya.
3. Calon mesti menerangkan kepentingan seseorang menjaga tutur kata
 - Dihormati
 - Disayangi
 - dipercayai dan sebagainya.
4. Calon mesti menerangkan konsep berjaya dalam hidup
 - cemerlang sahsiah
 - mendapat pekerjaan yang baik
 - dihormati oleh masyarakat
 - menjadi contoh kepada orang lain.
5. Sekiranya calon menulis karangan tentang kepentingan-kepentingan seseorang menjaga tutur kata tetapi tidak mengaitkannya dengan kesan, iaitu berjaya dalam kehidupan, markah maksimum peringkat **baik bawah (51 – 57)**.

SKEMA RUMUSAN

Pendahuluan [2 m]

- | | | |
|---|---|-----|
| 1 | Petikan membincangkan kepentingan / kebaikan / faedah / manfaat / maslahat / kelebihan / keistimewaan industri pelancongan kepada negara Malaysia | 2 m |
| 2 | Petikan membincangkan kepentingan / kebaikan / faedah / manfaat / maslahat / kelebihan / keistimewaan industri pelancongan kepada negara dan usaha-usaha kerajaan untuk memajukan industri pelancongan. | 2 m |
| 3 | Rumusan membincangkan kepentingan / kebaikan / faedah / manfaat / maslahat / kelebihan / keistimewaan industri pelancongan kepada negara dan peranan masyarakat dalam merancakkan industri ini. | 2 m |
| 4 | Petikan membincangkan kepentingan / kebaikan / faedah / manfaat / maslahat / kelebihan / keistimewaan industri pelancongan kepada negara | 1 m |
| 5 | Petikan membincangkan sumbangan industri pelancongan kepada negara | 0 m |

Isi Tersurat (Sumbangan Industri Pelancongan) [4-12 markah]

- | | | |
|----|--|-----|
| S1 | Penyumbang keenam terbesar dalam KDNK negara. | 2 m |
| S2 | Membuka peluang baharu memperkenalkan Malaysia ke peringkat antarabangsa | 2 m |
| S3 | Berjaya menampilkan keunikan, keharmonian dan kepelbagaian budaya di negara kita. | 2 m |
| S4 | Berupaya memberikan semangat kepada hala tuju Malaysia ke arah pencapaian Wawasan 2020 | 2 m |
| S5 | Mampu menarik pelaburan sebanyak RM 19.4 bilion. | 2 m |
| S6 | Sumber pendapatan baharu dalam menghadapi cabaran ekonomi semasa | 2 m |
| S7 | Dapat membangunkan produk ikonik. | 2 m |
| S8 | Memperkuuhkan kepelbagaian ekonomi Malaysia. | 2 m |

Isi Tersirat (Peranan Masyarakat) [4-12 markah]

- | | | |
|----|--|-----|
| T1 | Berbudi bahasa / bersopan santun / peramah dalam melayani pelancong | 2 m |
| T2 | Menjaga kebersihan tempat-tempat pelancongan | 2 m |
| T3 | Bekerjasama menjaga kemudahan awam / prasarana yang disediakan ditempat-tempat yang dikunjungi pelancong | 2 m |
| T4 | Mempromosikan destinasi pelancongan di Malaysia kepada rakan taulan di luar negara | 2 m |
| T5 | Menyediakan penginapan Inap Desa kepada pelancong | 2 m |
| T6 | Menjual barang kraftangan kepada pelancong | 2 m |

Kesimpulannya [2 markah]

Kesimpulannya, semua pihak hendaklah bersama-sama menyokong industri pelancongan agar Malaysia menjadi destinasi utama pelancong asing. 2 m

SKEMA PEMAHAMAN

- (i) Rangkai kata *merealisasikan potensi* bermaksud [2 markah]

Menjadikan kenyataan kemampuan / kebolehan / keupayaan / kekuatan [2m]

Merealisasikan kemampuan / kebolehan / keupayaan / kekuatan [1m]

[maksimum : 2 markah]

- (ii) Usaha-usaha kerajaan untuk memajukan industri pelancongan [3 markah]

P1 - Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan mengadakan kempen promosi yang agresif di luar negara.

P2 - Sambutan hari Pelancongan Sedunia 2015 pada 27 September

P3 - Peruntukan tambahan RM80 juta untuk memperhebat aktiviti promosi pelancongan

[maksimum: 3 markah]

[Isi cukup 2]

- (iii) Sebab-sebab terdapatkekangan-kekangan yang dihadapi oleh kerajaan [4 markah]

P1 - Masyarakat tidak memberikan kerjasama

P2 – Masyarakat melakukan vandalisme

P3 - Pihak swasta tidak mahu membuat pelaburan dalam industri ini

P4 - kejatuhan nilai ringgit

P5 - ancaman keselamatan di kawasan tarikan pelancongan

P6 - kekurangan modal untuk melengkapkan prasarana

[maksimum : 4 markah]

[Isi cukup 3]

**terima isi lain yang relevan*

JAWAPAN SET 1

Soalan 2(b) (Drama)

i. Alasan –alasan Aiman

- P1 - aiman belum lapar.
- P2 - belum hendak makan lagi
- P3 - hendak menunggu Kak Dapnia balik
- P4 - hendak makan bersama dengan Kak Dapnia

[Isi cukup : 2]

Maksimum: 2 markah

ii. Tindakan ibu Aiman

- P1 - sediakan makanan untuk Aiman/makan bersama-sama
- P2 - bertanyakan /membincangkan / menyelesaikan masalah yang dihadapi
- P3 - sentiasa ambil berat pelajaran Aiman
- P4 - beribadat/bersolat bersama-sama
- P5 - sentiasa menegur/memberi nasihat
- P6 - memujuk/menenangkan perasaan/ berkongsi suka duka/ kegembiraan
- P7 - beri hadiah/pujian atas kejayaan Aiman
- P8 - menemani Aiman mengulang kaji/ belajar

(isi-isi lain yang sesuai boleh diterima)

[Isi cukup : 2]

Maksimum: 3 markah

iii. Nilai dalam petikan

P1 - berfikiran terbuka/positif

- Contohnya: Nek Sinah tidak mahu Aiman bercakap tidak baik tentang ibu dan kakaknya kerana mereka pasti ada urusan penting.

1 + 1

[2 markah]

Nilai dalam keseluruhan drama

D1 - Amanah

- Contoh: selepas memberi kata-kata perangsang kepada Aiman tentang kebaikan PLKN, posmen meminta diri untuk meneruskan tugasnya menghantar surat kerana dia menganggap surat-surat tersebut adalah amanah yang diberikan kepadanya.

D2 - Ketegasan/ tetap pendirian

- Contoh: Apabila Aiman meminta Khir Ghazali membantunya mendapatkan pengecualian daripada PLKN, beliau bertegas untuk tidak membantunya. Hal ini adalah kerana beliau tahu bahawa PLKN akan banyak memanfaatkan Aiman

D3 - Bertanggungjawab

- Contoh: Cikgu Dahari memberikan penerangan yang jelas kepada murid-muridnya agar mereka faham akan objektif dan pelaksanaan PLKN.
- Contoh: walaupun sibuk bekerja beliau mengambil berat terhadap Aiman. Apabila Aiman berdepan dengan masalah beliau mendengarnya dengan sabar dan cuba menyelesaikannya.

D4 - Patriotisme/cinta akan negara

- Contoh: apabila Aiman menyatakan bahawa dia tidak tahu di mana terletaknya Jempol kerana selalu bercuti di luar negara, kawannya Sundarani menegurnya bahawa kita perlu menghargai tanah air kita.

D5 - kasih sayang

- Contoh: Walaupun Nek Sinah bekerja sebagai pembantu rumah di rumah Khir Ghazali namun dia amat menyayangi Aiman dan memasak makanan kegemarannya serta melayannya seperti cucu sendiri.

1 + 1
[2 markah]
Maksimum: 4 markah

JAWAPAN SET 2

Soalan 2 (c) : Petikan Prosa Klasik

- (i) Maksud:
- berhenti di pinggir bandar/di kampung

Maksimum: 2 markah

- (ii) Tindakan Kertala Sari setelah sampai ke Melaka:
P1 - Maka ia pun singgah di luar kota pada kampung segala Jawa.
P2 - Maka Kertala Sari pun menyamarkan dirinya kepada segala Jawa yang banyak itu
P3 - Maka Kertala Sari pun sedia kala berjalan keluar masuk bermain-main segenap kampung orang kaya-kaya dan saudagar.
P4 - Kertala Sari pun masuk menyamar pada orang Patih Kerma Wijaya.
P5 - Mengikut Patih Kerma Wijaya pergi menghadap sama dengan Jawa yang banyak itu.

[Isi cukup : 2]
Maksimum: 3 markah

- (iii) Cara mahu mengalahkan Laksamana:
P1 - Mengkaji kekuatan/ kekuatan Laksamana sebelum pergi ke Melaka
P2 - Berguru dengan orang yang lebih bijak/ berilmu/ berpengalaman
P3 - Mencari perkara yang boleh mengganggu emosi Laksamana
P4 - Meminta bantuan/bekerjasama daripada pihak lain untuk mengalahkannya
P5 - Menggunakan alatan/ senjata yang lebih baik daripada Laksamana

[Isi cukup : 2]
Maksimum: 3 markah

JAWAPAN SET 1

Soalan 2(d) – Seloka

- (i) Maksud rangkap pertama
P1 - Raja menitahkan pembesar membina istana.
P2 - Pembesar dan tukang-tukang bertungkus-lumus menyiapkan istana

atau

- P1 - Raja menitahkan empat orang pembesar untuk membina sebuah istana.
P2 - Istana yang dikelilingi parit dan tembok
P3 - Titah itu disampaikan kepada Pawang Raja.
P4 - Pawang Raja pun mengerahkan 44 orang tukang dan utas
P5 - Bekerja siang dan malam untuk menyiapkan istana

[Isi cukup : 2]

Maksimum: 2 markah

- (ii) Sebab:
P1 - Untuk membezakan taraf/status antara raja dengan rakyat
P2 - Untuk menunjukkan kekuahan ekonomi negara
P3 - Menjaga imej/maruah raja
P4 - Sebagai lambang/mercu tanda sesbuah Negara
P5 - Menggambarkan/menunjukkan kestabilan pentadbiran negara
P6 - supaya digeruni oleh musuh
P7 - untuk menjaga keselamatan raja

Maksimum: 3 markah

- (iii) Pengajaran-pengajaran dalam seloka :
P1 - Kita hendaklah taat kepada pemimpin.
Pawang Raja menerima titah raja tanpa bantahan.
- P2 - Kita hendaklah gigih bekerja untuk menyiapkan sesuatu tugas.
Pawang Raja dan tukang-tukang bertungkus-lumus menyiapkan istana.
- P3 - Kita hendaklah melaksanakan amanah yang diberikan dengan penuh tanggungjawab agar kita dipercayai.
- P4 - Kita hendaklah menghargai kesenian bangsa agar tidak lenyap ditelan arus pemodenan.

1 + 1

[Isi cukup : 2]

Maksimum: 4 markah

Skema Jawapan Soalan 3

Markah penuh dibahagikan kepada:

- Soalan 3(a) : **6markah**
- Soalan 3(b) : **6markah**
- Soalan 3(c) : **6markah**
- Soalan 3(d) : **6markah**
- Soalan 3(e) : **6markah**

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah imbuhan, berikan 0 markah.
6. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikah markah penuh 1 markah.
7. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Idea tidak jelas, berikan 0 markah.

Jawapan 3(a)

- (i) **pulang**
 1. pergi ke tempat asalnya
 2. balik
 3. kembali
- (ii) **pulangan**
 1. hasil daripada
 2. pendapatan
- (iii) **memulangkan**
 1. mengirimkan ke tempat asalnya
 2. menyusun/ mengatur semula, memulihkan semula
 3. merujukkan, menyerahkan (kepada)
- (iv) **mansuh**
 1. tidak berlaku lagi
 2. batal
 3. ditiadakan
- (v) **pemansuhan**
 1. perbuatan memansuhkan
 2. pembatalan
 3. penghapusan
- (vi) **memansuhkan**
 1. menjadikan tidak berlaku lagi, membatalkan
 2. menghapuskan, meniadakan

Jawapan 3(b)**MenukarCakapAjukKepadaCakapPindah**

- Kumar menegur Daniel dan bertanya tentang tempat yang ingin ditujuinya.
- Daniel berkata dia tidak ke mana-mana, cuma hendak mengambil angin sebentar.
- Kumar menyatakan kekagumannya dan memuji kehebatan Daniel menjawab semua soalan fizik sebentar tadi.
- Daniel menafikannya dan mengatakan bahawa perkara tersebut biasa sahaja baginya.
- Kumar bertanyakan rahsia Daniel yang semakin bijak dan memintanya berkongsi rahsia tersebut.
- Daniel menyatakan bahawa dia tidak mempunyai apa-apa rahsia, cuma mengulangkaji pelajaran dan belajar dengan abangnya sahaja.

[6 markah]

Jawapan 3(c)**Kesalahanejaandanimbuhan**

- | | | | |
|-------|-------------|---|------------|
| (i) | meletak | - | meletakkan |
| | pelangan | - | pelanggan |
| (ii) | akaun | - | perakaunan |
| | tersuhur | - | tersohor |
| (iii) | mendalamkan | - | mendalami |
| | teknologi | - | teknologi |

[6 markah]

Jawapan 3 (d)**Kesalahan kata atau istilah dantatabahasa**

- (i) meluas – menyeluruh
ibu bapa awasi – diawasi oleh ibu bapa
- (ii) merempuh - menempuh
di – pada
- (iii) pemberian - pendermaan
supaya - untuk

[6 markah]

Jawapan 3 (e)**Peribahasa**

- (i) Bagai aur dengan tebing / Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
- (ii) Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya
- (iii) Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat / Muafakat membawa berkat.

[6 markah]

SKEMA

Soalan 4 Markah penuh 15 markah

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4

Perhatian bagi soalan 4

- (a) (i) Jawapan berdasarkan satu daripada novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (iii) Berikan 1 markah bagi setiap isi (latar masyarakat) yang jelas.
- (iv) Berikan 1 markah bagi setiap huraian yang jelas dan lengkap.
- (v) Markah isi maksimum 4 markah.
- (vi) Markah bahasa maksimum 3 markah.
- (vii) Markah bahasa diberikan secara `impression`
 - Baik = 3 markah
 - Sederhana = 2 markah
 - Lemah = 1 markah
- (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
- (ix) Calon tidak menjawab 0 markah.

[maksimum: 7 markah]

- (b) (i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (iii) Beri 2 markah untuk setiap peristiwa yang lengkap dan jelas.
- (iv) Berikan 1 markah bagi setiap alasan yang munasabah.
- (v) Markah isi maksimum 6 markah (maksimum 3 markah bagi setiap novel)
- (vi) Markah bahasa maksimum 2 markah.
- (vii) Markah bahasa diberikan secara `impression`
 - Baik = 2 markah
 - Lemah = 1 markah
- (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
- (ix) Calon tidak menjawab 0 markah.

[maksimum: 8 markah]

SKEMA JAWAPAN:

Soalan 4a

Novel *Di Sebalik Dinara*.

1. Masyarakat yang penyayang

Peristiwa: Walaupun Farisha merupakan anak angkat, Azraai tetap menyayanginya seperti adik kandung. Azraai memasang ‘retinal scanner’ di pintu masuk rumah Farisha untuk memastikan keselamatan Farisha terjamin.

2. Masyarakat yang tabah menghadapi cabaran hidup

Peristiwa: Farisha tabah menerima hakikat bahawa Karl, seorang saintis terkenal yang terlantar sakit dan sedang nazak itu ialah bapa kandungnya dan Medina ialah ibu kandungnya yang pernah cuba membunuhnya semasa dia kecil.

3. Masyarakat yang bertanggungjawab dalam menjalankan tugas

Peristiwa: Dr. Haris bertanggungjawab merawat Karl. Dr. Haris menjerit mengingatkan Dr. Maxi agar segera menghentikan sesi komunikasi bawah sedar kerana Karl sedang nazak.

4. Masyarakat yang bekerjasama dalam memajukan syarikat

Peristiwa: Farisha dan Rosman saling bekerjasama membangunkan syarikat perkongsian mereka, iaitu Secured Shell. Mereka juga bekerjasama untuk menjalankan projek mini yang ditawarkan oleh Syarikat Soft Lab.

Novel *Silir Daksina*.

1. Masyarakat yang penyayang

Peristiwa: Cikgu Amirulnizam amat menyayangi dan merindui anaknya yang jauh terpisah di Terengganu. Oleh sebab Aiman sebaya dengan Ai Ling, Cikgu Amirulnizam menyayangi dan melayani Ai Ling seperti anaknya sendiri.

2. Masyarakat yang tabah dalam menghadapi cabaran hidup

Peristiwa: Haiqal Hakimi tabah menghadapi konflik dengan ibunya yang tidak membenarkan Haiqal menjelaki sejarah hidup arwah ayahnya, Cikgu Abdullah di Batu Pahat. Haiqal tetap dengan keputusannya meskipun terpaksa bertengkar dengan uminya, Rafiqah.

3. Masyarakat yang bertanggungjawab menyara keluarga

Peristiwa: Tauke Ong bertanggungjawab mencari rezeki untuk keluarga sehingga anak-anaknya melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Tauke Ong bekerja kuat sebagai penoreh getah pada waktu pagi. Pada waktu petang pula, dia meraih pisang untuk dijual di pekan.

4. Masyarakat yang bekerjasama dalam menjalankan sesuatu program

Peristiwa: Tauke Ong dan penduduk Kampung Seri Purnama bekerjasama menjayakan majlis persembahan tarian zapin untuk dipersembahkan kepada Yang Berhormat Datuk

Syaiful Azizi. Bermula daripada mesyuarat, membuat persiapan tempat dan menyediakan jamuan, semuanya dilakukan bersama-sama dengan sepakat.

Soalan 4b.

Novel *Di Sebalik Dinara*.

1. Peristiwa: Aqram, Dr. Maxi dan Khairul Anwar bekerjasama untuk menyelamatkan Dinara. Dr. Maxi telah mengarahkan Aqram menjelaki Farisha untuk menggodam sistem Dinara.
Nilai kerjasama dalam menjayakan sesuatu pekerjaan.
2. Peristiwa: Farisha dan Rosman bekerjasama memajukan syarikat mereka iaitu Secured Shell Sdn. Bhd.
Nilai kerjasama dalam memajukan sesebuah syarikat
3. Peristiwa: Karl bekerjasama dengan Medina bagi mencipta prototaip yang dikenali sebagai Alia.
Nilai kerjasama dalam suatu pasukan
4. Peristiwa: Shida bekerjasama dengan Farisha untuk menyemak undang-undang dan peraturan Soft Lab.
Nilai kerjasama dalam melaksanakan kajian atau penyelidikan
5. Peristiwa: Azraai bekerjasama dengan Rosman untuk menjelaki Farisha yang telah diculik oleh Medina.
Nilai kerjasama dalam usaha menyelamatkan nyawa

Novel *Silir Daksina*.

1. Peristiwa: penduduk kampung Seri Purnama yang terdiri dan para penduduk bekerjasama membuat persediaan untuk menyambut kehadiran YB Samsuri dan pegawai Yayasan Wawasan Negeri.
Nilai kerjasama dalam menjayakan aktiviti atau program yang dirancang.
2. Peristiwa: Haiqal bersama dengan penduduk kampung berusaha untuk menghidupkan tarian zapin Jincat.
Nilai kerjasama dalam memelihara warisan budaya
3. Peristiwa: Golongan wanita yang bekerjasama menyediakan makanan untuk jamuan semasa majlis perasmian zapin di Kampung Seri Purnama.
Nilai kerjasama dalam masyarakat kampung

4. Peristiwa: Tauke Ong dan anaknya See Hwa bekerjasama dengan penduduk kampung yang terdiri daripada orang Melayu bagi menghidupkan tarian zapin.

Nilai kerjasama dalam masyarakat pelbagai kaum

5. Peristiwa: Golongan pemuda di Kampung Seri Purnama bekerjasama menyusun kerusi sebagai persiapan majlis untuk menerima kehadiran YB.

Nilai kerjasama yang erat dalam kalangan golongan muda

*Jawapan yang diberi sebagai panduan sahaja.